

19 MAY, 2026

40,000 pengguna beroleh manfaat

Harian Metro, Malaysia



SISTEM BESS Santong 100MW/400MWh di Santong, Paka. - Gambar BERNAMA

PROJEK BESS SANTONG PERKUKUH KESTABILAN GRID ELEKTRIK

40,000 pengguna beroleh manfaat

Oleh Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

Dungun

Kira-kira 40,000 pengguna di pantai timur mendapat manfaat melalui projek Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) Santong berkapasiti 100 megawatt (MW).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, projek BESS itu antara sistem penyimpanan tenaga bateri utiliti berskala besar pertama di negara dan selari dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Katanya, BESS Santong yang dikenali sebagai 'bank tenaga pintar' dengan teknologi *grid-forming* mampu

menyimpan lebih tenaga dan menyalurkannya semula apabila diperlukan.

"Projek Sistem BESS Santong berkapasiti 100 megawatt (MW) / 400 megawatt-jam (MWh) dibangunkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjadi langkah penting dalam memperkukuhkan kestabilan bekalan elektrik negara.

"Untuk memastikan grid kita berada dalam keadaan stabil, bateri adalah satu cara untuk memastikan bukan sahaja sumber bekalan, tetapi juga kestabilan bekalan," katanya selepas Majlis Perasmian Santong Battery Energy Storage System di Paka, di sini, semalam.

Turut hadir adalah Pe-

nerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkata, BESS Santong atau bank tenaga pintar pertama di negeri mampu menyimpan lebih tenaga dan menyalurkan semula apabila diperlukan.

Katanya, projek bernilai kira-kira 380 juta itu mula beroperasi 16 April lalu dan mempunyai jangka hayat sehingga 15 tahun.

"Sektor tenaga itu mampu menyumbangkan kira-kira 70 peratus daripada tenaga yang boleh diperbaharui ataupun daripada tenaga yang bersih.

"Jika keterjaminan daripada segi kelestarian dijaga, ianya tidak akan mem-

beri manfaat daripada segi kemampuan tidak dilihat," katanya.

Fadillah berkata, projek yang dibangunkan TNB itu berupaya memberi tindak balas pantas kepada perubahan bekalan dan permintaan tenaga, terutama menyokong integrasi termasuk tenaga solar.

Katanya, pembangunan tenaga negara perlu memenuhi tiga keperluan utama iaitu keterjaminan bekalan, kelestarian dan kemampuan kos kepada rakyat.

"Kita nak pastikan bekalan terjamin, pada masa sama mesra alam dan tidak membebankan rakyat serta kekal kompetitif kepada industri," katanya.